

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Khamis, 28 April 2022**



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENGUNAAN DAN CAPAIAN ICT OLEH INDIVIDU DAN ISI RUMAH 2021

Capaian dan penggunaan Internet oleh individu dan isi rumah meningkat selepas kemuncak pandemik COVID-19

PUTRAJAYA, 28 April 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah yang membentangkan statistik penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah. Survei ini dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan iaitu dari September hingga November 2021, selepas sebahagian aktiviti ekonomi mula dibuka pada September 2021 dan pembukaan sepenuhnya pada Oktober 2021. Dalam pada itu, Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah dilaksanakan dalam tempoh tersebut dan memberi kesan kepada penggunaan teknologi digital yang meluas dalam aktiviti seharian setiap lapisan masyarakat. Dengan ini, dapatan daripada survei ini dapat memberikan maklumat dalam mengukur kejayaan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Peratusan capaian isi rumah kepada internet menunjukkan peningkatan kepada 95.5 peratus pada 2021 berbanding 91.7 peratus pada 2020. Pada 2021, capaian oleh isi rumah terhadap telefon bimbit dan komputer juga masing-masing meningkat kepada 99.6 peratus dan 88.3 peratus."

Mengulas lanjut terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pelaksanaan survei selepas kemuncak pandemik COVID-19 telah memperlihatkan penggunaan internet dalam kalangan masyarakat Malaysia berusia 15 tahun ke atas telah meningkat dengan ketara kepada 96.8 peratus (2021) berbanding 89.6 peratus (2020). Program Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan penggunaan internet. Pada tahun 2021, aktiviti internet yang paling popular di Malaysia adalah menyertai rangkaian sosial. Ini diikuti dengan peningkatan yang ketara bagi perkhidmatan berkaitan aktiviti pembelajaran, sivik dan politik, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan hiburan."

Penggunaan internet untuk membuat temu janji dengan pengamal perubatan melalui laman web telah meningkat 43.5 peratus pada tahun 2021 berbanding 10.7 peratus pada 2020. Di samping itu, peratusan menggunakan perisian melalui internet untuk menyunting teks pada dokumen meningkat kepada 39.9 peratus (2021) (2020:26.3%). Selain itu, peratusan penggunaan internet untuk memberi pendapat atau undi berkenaan dengan sivik dan politik juga meningkat kepada 41.2 peratus (2021) dari 23.5 peratus pada tahun sebelumnya.


Pada tahun 2021, lebih daripada separuh (70.5%) masyarakat Malaysia menggunakan perbankan internet, berbanding 61.9 peratus pada tahun 2020. Tanpa mengambil kira saluran pembelajaran atas talian melalui internet, individu yang mengikuti kursus formal atas talian meningkat kepada 29.9 peratus (2021) daripada 18.0 peratus pada tahun sebelumnya. Manakala peratusan individu yang merujuk laman web untuk pembelajaran formal seperti Wikipedia dan ensiklopedia pula telah meningkat daripada 40.3 peratus (2020) kepada 59.0 peratus pada 2021.

Seterusnya, pembelian barangan atau perkhidmatan melalui e-Dagang seperti Shopee, Lazada dan Grab telah meningkat dengan ketara kepada 64.7 peratus pada 2021 (2020: 45.0%). Pada masa kini, hiburan melalui web mudah diakses. Ini ditunjukkan oleh peningkatan mendengar radio secara atas talian daripada 53.8 peratus (2020) kepada 64.9 peratus pada 2021. Dengan menggunakan saluran e-Kerajaan, peratusan pengguna internet yang berinteraksi dengan organisasi kerajaan telah meningkat daripada 35.2 peratus pada 2020 kepada 51.9 peratus pada 2021.


Sebagai tambahan kepada penggunaan internet, peratusan individu yang menggunakan komputer meningkat kepada 83.5 peratus pada 2021 (2020:80.0%). Peratusan individu yang menggunakan telefon bimbit mencatatkan peningkatan kepada 98.7 peratus pada 2021 (2020:98.2%). Ketua Perangkawan mengulangi bahawa penggunaan ICT menjadi satu keperluan seiring dengan senario semasa. Penggunaan ICT menjadi semakin pesat apabila negara memasuki fasa endemik serta pemulihan ekonomi.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Carta 1 : Peratusan Individu Menggunakan Peralatan dan Perkhidmatan ICT, Malaysia, 2020 dan 2021



Carta 2 : Peratusan Individu Menggunakan Internet Mengikut Jenis Aktiviti Terpilih, Malaysia, 2020 dan 2021



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

28 APRIL 2022

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, April 28th 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

ICT USE AND ACCESS BY INDIVIDUALS AND HOUSEHOLD 2021

The use of the Internet and access by individuals and households increased after the peak of COVID-19 pandemic

PUTRAJAYA, 28 April 2022 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the *ICT Use and Access by Individuals and Households Report Survey* that presents statistics of the usage and access of ICT by individuals and households. This survey was conducted for a three-month period from September to November 2021 after reopening of selected economic activities in September 2021 and fully opened in October 2021. In addition, during this period the National Recovery Plan (NRP) has been implemented and the use of digital technology has been widespread in the daily activities of society. Therefore, the findings on this survey that can provide measure of the success of Malaysia's Digital Economy (MyDIGITAL).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The percentage of households access to ICT increased to 95.5 per cent in 2021 as compared to 91.7 per cent in 2020. In 2021, household access to mobile phone and computer also increased to 99.6 per cent and 88.3 per cent respectively."

Commenting further on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The implementation of the survey after the peak of the COVID-19 pandemic suggested that internet usage among Malaysian aged 15 and above increased significantly to 96.8 per cent (2021) as compared to 89.6 per cent (2020). The Home-Based Teaching and Learning (PdPR) programme was among the factors that contributed to the increase

in internet usage. In 2021, the most popular internet activities in Malaysia was participating in social networks. This was followed by a significant increase for the services related to learning activities, civics and politics, e-Health, e-Government, e-Commerce and entertainment.”

Internet usage for making an appointment with medical practitioners through website has increased to 43.5 per cent internet in 2021 as compared to 10.7 per cent in 2020. In addition, the percentage of using software through internet for editing texts on documents increased 39.9 per cent (2021) (2020: 26.3%). Meanwhile, the percentage of internet users for posting opinions or voting regarding civics and politics also increased to 41.2 per cent (2021) from 23.5 per cent previously.

In 2021, more than half (70.5%) of Malaysian users using internet banking as compared to 61.9 per cent in 2020. Regardless of any platforms of online learning channels through the internet, individuals who attended a formal online course increased to 29.9 per cent (2021) from 18.0 per cent in previous year. Meanwhile, the percentage of individuals referring to websites for formal learning purposes such as Wikipedia and encyclopedias increased from 40.3 per cent (2020) to 59.0 per cent in 2021.

In addition, purchase of goods or services through e-Commerce such as Shopee, Lazada and Grab increased significantly to 64.7 per cent in 2021 (2020:45.0%). Nowadays, entertainment on the web is easily accessible. This was indicated by the increase in listening to radio online from 53.8 per cent (2020) to 64.9 per cent in 2021. In terms of using the e-Government platform, the percentage of internet users that interact with government organisations increased from 35.2 per cent in 2020 to 51.9 per cent in 2021.

In addition to internet usage, the percentage of individuals using computer increased marginally to 83.5 per cent in 2021 (2020: 80.0%). The percentage of individuals using mobile phones recorded an increase to 98.7 per cent in 2021 (2020: 98.2%). The Chief Statistician reiterated that the usage of ICT is becoming a necessity in tandem with current scenarios. Usage of ICT will further accelerate as the country enters into the endemic phase as well as economic recovery.

The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1 January 2022 to 31 December 2022. The department greatly appreciates the cooperation given by selected respondents to provide information to DOSM officers and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Chart 1 : Percentage of Individuals Using ICT Services and Equipment, Malaysia, 2020 and 2021





Chart 2 : Percentage of Individuals Using the Internet by Selected Type of Activity, Malaysia, 2020 and 2021



Released by:
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
28 APRIL 2022